

**Peruntukan Selenggara Jalan Negeri: Kerajaan Diminta Kaji Semula Mekanisme Bernama
8 Ogos, 2012**

JITRA, 8 Ogos (Bernama) -- Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kedah akan mengusulkan kepada Kementerian Kewangan agar meneliti semula mekanisme agihan peruntukan selenggara jalan kepada Kedah, bagi memastikan wang dibelanja sepenuhnya.

Pengerusinya Datuk Mohd Johari Baharom berkata langkah itu susulan kegagalan kerajaan negeri Kedah memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalur kerajaan pusat bagi tujuan tersebut.

"Tiap-tiap tahun kita beri hampir jumlah sama. Tahun lepas kita beri RM154 juta tetapi hanya RM54 juta dibelanjakan. Selebihnya kita tidak tahu dia (kerajaan negeri) buat apa," katanya kepada Bernama, di sini, Selasa malam.

Antara lain katanya, cadangan yang akan dikemuka dalam masa terdekat itu mengusulkan agar peruntukan disalur berdasarkan perkembangan projek.

"Unit Penyelarasan Tindakan Persekutuan dalam mesyuaratnya baru-baru ini menerima cadangan itu yang dikemukakan ahli majlis bagi memastikan duit peruntukan dibelanja dengan betul dan tidak disalahgunakan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686413>

